


**PENGARUH TRET PERSONALITI DAN MOTIVASI TERHADAP
KREATIVITI PELAJAR: SATU KAJIAN DI SEBUAH SEKOLAH
DI KOTA KINABALU, SABAH**




IVY LIAN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

**PENGARUH TRET PERSONALITI DAN MOTIVASI TERHADAP
KREATIVITI PELAJAR: SATU KAJIAN DI SEBUAH SEKOLAH
DI KOTA KINABALU, SABAH**

IVY LIAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA PSIKOLOGI**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PENGARUH TRET PERSONALITI DAN MOTIVASI TERHADAP KREATIVITI PELAJAR: SATU KAJIAN DI SEBUAH SEKOLAH DI KOTA KINABALU, SABAH**

IJAZAH: **SARJANA PSIKOLOGI**

Saya **IVY LIAN**, Sesi Pengajian **2011-2016**, mengaku membenarkan tesis Sarjana Psikologi ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)
☐ SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
☐ TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
☐ / TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

IVY LIAN

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 25 Ogos 2016

(Prof. Madya Dr. Balan Rathakrisnan)
Penyelia

PENGAKUAN


Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Ogos 2016

.....

Ivy Lian

PR20118086



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **IVY LIAN**

NO MATRIK : **PR20118086**

TAJUK : **PENGARUH TRET PERSONALITI DAN MOTIVASI
TERHADAP KREATIVITI PELAJAR: SATU KAJIAN
DI SEBUAH SEKOLAH DI KOTA KINABALU, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA PSIKOLOGI**

TARIKH VIVA : **12 JANUARI 2016**



PENYELIA

Prof. Madya Dr. Balan Rathakrisnan

DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

.....

PENGHARGAAN

Syukur, segala kemuliaan bagi Dia Yang Esa. Hanya kerana anugerah-Nya kejayaan ini menjadi suatu realiti.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Prof. Madya Dr. Balan Rathakrisnan, selaku penyelia tesis ini atas perkongsian ilmu yang tidak ternilai sepanjang proses seliaan. Tanpa bimbingan, perhatian, kerjasama serta tunjuk ajar yang diberikan pastinya kejayaan ini tidak mungkin dikecapi.

Ucapan terima kasih juga khasnya kepada seluruh warga Fakulti Psikologi dan Pendidikan, para pensyarah serta rakan-rakan seperjuangan, terima kasih untuk pelbagai ilmu yang telah dikongsi dan dirungkaikan bersama selama mengharungi perjuangan ini.

Sekalung penghargaan kepada pihak KPM, JPN, serta sekolah yang terlibat dalam kajian ini di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menghasilkan tesis ini. Tidak dilupakan, kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini, sumbangan kalian amatlah dihargai.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli keluarga yang sentiasa mendamping dan menjadi sumber inspirasi bagi merealisasikan impian ini. Teristimewanya untuk ibu, suami, anak-anak (Javierra, Jayvier dan Jayvriel) dan adik-adik. Terima kasih atas segalanya.

Akhirnya, dengan penuh kesyukuran saya doakan agar semuanya akan terus diberkati.

Ivy Lian

15 Ogos 2016

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh tret personaliti dan motivasi terhadap kreativiti dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah di Sabah. Kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan ini melibatkan seramai 111 orang pelajar aliran sains sahaja. Set ujian kreativiti TCCT digunakan untuk mengukur pemboleh ubah terikat iaitu kreativiti dan soal selidik digunakan untuk mengukur pemboleh ubah bebas iaitu motivasi dan personaliti pelajar. Set ujian kreativiti TCCT mengandungi aktiviti membina gambar, penambahbaikan produk, kegunaan yang pelbagai dan melukis berasaskan segitiga untuk menguji kreativiti pelajar dari segi keaslian, kelancaran, kelenturan dan penghuraian (Torrance, 1974). Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini diuji menggunakan satu set soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A adalah demografi pelajar, bahagian B adalah personaliti pelajar (diadaptasi daripada *Neo Five Factor Inventory* oleh Costa, Paul T. dan McRae, Robert R.) dan bahagian C adalah motivasi pelajar (diadaptasi daripada *The Situational Motivation Scale*). Data dianalisis dengan menggunakan aplikasi SPSS 21 iaitu analisis ujian-t dan analisis regresi pelbagai. Dapatan kajian membuktikan bahawa motivasi bertindak sebagai perantara separa di antara personaliti Model Lima Faktor dengan kreativiti pelajar. Daripada lima aspek personaliti Model Lima Faktor pula, hanya ekstrasversi ($\beta = .273$, $t = 2.350$, $k < .05$) dan kesetujuan ($\beta = .210$, $t = 2.185$, $k < .05$) merupakan peramal yang signifikan kepada kreativiti pelajar. Hasil analisis ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kreativiti di antara pelajar lelaki dan perempuan, $t(109) = -.383$, $k > 0.05$, walaupun nilai min yang berbeza antara lelaki dan perempuan. Kajian ini telah memberi implikasi dalam bidang ilmu kreativiti bahawa motivasi berperanan sebagai perantara dalam hubungan di antara personaliti Model Lima Faktor dengan kreativiti. Penyelidikan ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada sistem pendidikan secara amnya dan dalam bidang ilmu kreativiti khususnya.

ABSTRACT

INFLUENCE OF PERSONALITY TRAIT AND MOTIVATION ON CREATIVITY

The main objective of this study was to investigate the influence of personality trait and motivation on creativity among form four students in one of the school in Sabah. This quantitative survey study involved 111 form four science students. TCCT creativity test were employed to assess students' creativity and questionnaires were used to identify students' motivation and personality. TCCT creativity test consisted of picture construction task, product improvement task, unusual uses task and incomplete figures task to test students' creativity from the aspect of originality, fluency, flexibility and elaboration (Torrance, 1974). The independent variable in this study was examined using a set of questionnaires consisting of three sections. Section A comprise of questions on student's demography, section B questions the student's personality (adapted from the Neo Five Factor Inventory by Costa, Paul T. and McCrae, Robert R.) and section C questions on student's motivation (adapted from The Situational Motivation Scale). The data was analysed using the SPSS 21 application which analyses T-test and multiple regression analysis. The result of the study shows that motivation serves as a partial mediator between Big Five Factor personality to student's creativity. From the five aspect in the Big Five Factor personality, however, extraversion ($\beta = .273$, $t = 2.350$, $p < .05$) dan agreeableness ($\beta = .210$, $t = 2.185$, $p < .05$) were significant indicator of a creative student. The result of the T-test analysis shows that there was no significant difference in creativity between male and female students, $t(109) = -.383$, $p > .05$, despite the min value between boys and girls. This research has given implication to the creative field that intrinsic motivation plays a role as a mediator in the relationship between Big Five Factor and creativity. This research was done with the purpose to contribute some added value to the educational system in general and to the creative field in particular.


SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI SIMBOL	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataaan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	6
1.3.1 Objektif Umum	6
1.3.2 Objektif Khusus	6
1.4 Hipotesis Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Kerangka Kerja Kajian	9
1.7 Definisi Konsep	11
1.7.1 Kreativiti	11
1.7.2 Personaliti	13
1.7.3 Motivasi	15
1.8 Definisi Operasional	16
1.8.1 Kreativiti	16
1.8.2 Personaliti Model Lima Faktor	16
1.8.3 Motivasi	17

1.9	Kesimpulan	17
 BAB 2: SOROTAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	18
2.2	Pendekatan Teori	19
2.2.1	Teori Kreativiti Sternberg	19
2.2.2	Teori Hierarki Keperluan	21
2.3	Kreativiti	25
2.3.1	Konsep Umum Kreativiti	25
2.3.2	Model Kreativiti	27
2.3.3	Komponen Kreativiti	27
2.3.4	Kajian Lepas Berkaitan Kreativiti	28
2.4	Personaliti	
2.4.1	Kajian Lepas Berkaitan Personaliti dengan Kreativiti	33
2.5	Motivasi	37
2.5.1	Kajian Lepas Berkaitan Motivasi dengan Kreativiti	37
2.5.2	Motivasi sebagai Perantara	40
2.6	Analisis Kritis	42
2.7	Kesimpulan	43
 BAB 3: METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	4
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Subjek Kajian	45
3.4	Tempat Kajian	46
3.5	Alat Kajian	47
3.5.1	Bahagian Demografi	47
3.5.2	Ujian Pemikiran Kreatif Torrance (TTCT)	47
3.5.3	NEO Five Factor Inventory (NEO-FFI)	50
3.5.4	The Situational Motivation Scale (SIMS)	51
3.6	Tatacara Kajian	52
3.7	Analisis Data	53
3.8	Kebolehpercayaan dan Kesahan	54

3.9	Kesimpulan	55
BAB 4: KEPUTUSAN		
4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisis Deskriptif	57
4.2.1	Jantina Pelajar	57
4.2.2	Kreativiti Pelajar	58
4.3	Analisis Inferensi	63
4.3.1	Pengaruh Personaliti Model Lima Faktor Terhadap Kreativiti Pelajar	63
4.3.2	Peranan Motivasi Pelajar Sebagai Perantara	64
4.3.3	Perbezaan Kreativiti Pelajar Berdasarkan Jantina	73
4.4	Ringkasan Keputusan Hipotesis Kajian	73
BAB 5: PERBINCANGAN		
5.1	Pengenalan	76
5.2	Pengaruh Personaliti Model Lima Faktor Terhadap Kreativiti Pelajar	76
5.3	Peranan Motivasi Pelajar Sebagai Perantara	78
5.4	Perbezaan Kreativiti Pelajar Berdasarkan Jantina	80
5.5	Rumusan Hasil Kajian	80
BAB 6: KESIMPULAN DAN PENUTUP		
6.1	Pengenalan	82
6.2	Kesimpulan dan Rumusan Kajian	82
6.2.1	Pengaruh Personaliti Model Lima Faktor Terhadap Kreativiti Pelajar	83
6.2.2	Pengaruh Peranan Motivasi Pelajar Sebagai Perantara	83
6.2.3	Perbezaan Kreativiti Pelajar Berdasarkan Jantina	82
6.3	Limitasi Kajian	83
6.4	Saranan Kajian	85
6.5	Implikasi dan Aplikasi Kajian	86
6.5.1	Pelajar	86

6.5.2 Sekolah	88
6.6 Penutup	89
RUJUKAN	90



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Ringkasan kajian ke atas kreativiti	31
Jadual 2.2: Ringkasan kajian personaliti dengan kreativiti pelajar	35
Jadual 2.3: Ringkasan kajian motivasi dengan kreativiti pelajar	39
Jadual 2.4: Ringkasan Kajian Peranan Motivasi Sebagai Perantara	41
Jadual 3.1: Perincian aktiviti TCCT mengikut komponen	48
Jadual 3.2: Taburan Komponen dan Markah Aktiviti TTCT	49
Jadual 3.3: Taburan item bagi The NEO Five Factor Inventory	51
Jadual 3.4: Taburan item bagi The Situational Motivation Scale	52
Jadual 3.5: Nilai pekali alpha Cronbach bagi soal selidik NEO-FFI dan SIMS.	55
Jadual 4.1: Jantina Pelajar	58
Jadual 4.2: Interpretasi Empat Komponen Kreativiti	58
Jadual 4.3: Pengaruh personaliti Model Lima Faktor terhadap kreativiti pelajar	63
Jadual 4.4: Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	64
Jadual 4.5: Hubungan Personaliti Model Lima Faktor dengan Motivasi	65
Jadual 4.6: Hubungan Motivasi dengan Kreativiti	65
Jadual 4.7: Hubungan Personaliti Model Lima Faktor dengan Kreativiti	66
Jadual 4.8: Kriteria Dan Empat Langkah Analisis Perantara	66
Jadual 4.9: Keputusan Regresi Pelbagai Bagi Motivasi Sebagai Perantara Kepada Hubungan Antara Pemikiran Terbuka dengan Kreativiti	67
Jadual 4.10: Keputusan Regresi Pelbagai Bagi Motivasi Sebagai Perantara Kepada Hubungan Antara Kehematan dengan Kreativiti	68
Jadual 4.11: Keputusan Regresi Pelbagai Bagi Motivasi Sebagai Perantara Kepada Hubungan Antara Ekstraversi dengan Kreativiti	69
Jadual 4.12: Keputusan Regresi Pelbagai Bagi Motivasi Sebagai Perantara Kepada Hubungan Antara Kesetujuan dengan Kreativiti	70
Jadual 4.13: Keputusan Regresi Pelbagai Bagi Motivasi Sebagai Perantara Kepada Hubungan Antara Neurotisme dengan Kreativiti	71
Jadual 4.14: Kriteria dan keputusan ujian t	73
Jadual 4.15: Perbezaan kreativiti pelajar berdasarkan jantina	73
Jadual 4.16: Ringkasan Keputusan Hipotesis Kajian	74

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Kerangka Kerja Kajian	10
Rajah 2.1: Teori Kreativiti Sternberg	19
Rajah 2.2: Teori Hierarki Keperluan	23
Rajah 2.3: Teori Hierarki Keperluan dan Motivasi	25
Rajah 3.1: Ringkasan tatacara kajian	53
Rajah 4.1: Contoh jawapan mengikut kriteria keaslian	59
Rajah 4.2: Contoh jawapan mengikut kriteria penghuraian idea	60
Rajah 4.3: Contoh jawapan mengikut kriteria kelancaran	61
Rajah 4.4: Contoh jawapan mengikut kriteria kelenturan	62
Rajah 4.5: Kesan tidak langsung ekstraversi	72
Rajah 4.6: Kesan tidak langsung kesetujuan	72



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN


CPP	-	<i>Creative Person Profile</i>
DPCM	-	<i>Dual-Pathway to Creativity Model</i>
i-THINK	-	Innovation Thinking
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KR	-	Kreativiti
KSPK	-	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	-	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MBM MBI	-	Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris
MO	-	Motivasi
NEO-FFI	-	<i>NEO Five Factor Inventory</i>
PISA	-	<i>Programme for International Student Assessment</i>
PR	-	Personaliti
PPKBK	-	Pendekatan Penyelesaian Kemahiran Berfikir Kreatif
PPSMI	-	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris
PPSMTI	-	Pengajaran dan Pembelajaran Sains, Matematik dan Teknikal Dalam Bahasa Inggeris
SIMS	-	<i>The Situational Motivation Scale</i>
SPSS	-	Statistical Package for the Social Science
SCAB	-	Scale of Creative Attributes and Behavior
TIMSS	-	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
TTCT	-	<i>Torrance Test of Creativity Thinking</i> / Ujian Pemikiran Kreatif Torrance
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI SIMBOL

β	-	Beta
F	-	Nisbah F
Min	-	Min
N/n	-	Sampel atau subjek kajian
k	-	Aras kesignifikan
R^2	-	R Kuasa Dua
r	-	Nilai Pekali Korelasi Pearson
Sig	-	Signifikan
SP	-	Sisihan Piawai
t	-	Ujian – t
$\%$	-	Peratus
$<$	-	Lebih Kecil
$>$	-	Lebih Besar

LAMPIRAN

LAMPIRAN A:	Instrumen Kajian	107
LAMPIRAN B:	Surat Kebenaran	115



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Abad ke-21 ini merupakan suatu era di mana persaingan berlaku dengan amat pesat. Mengakui realiti persaingan ini, masyarakat perlu memastikan kehidupan mereka akan terus terjamin. Kajian lepas telah membuktikan bahawa kehidupan masyarakat di dalam sesebuah negara di abad ke-21 ini sangat bergantung kepada kreativiti penduduknya (Palaniappan, 2005; Mohamad Mohsin Mohamad Said dan Nasruddin Yunus, 2008). Hakikatnya, dunia dan ekonomi yang bersifat global hari ini memerlukan penduduk yang mampu berfikir dengan lebih kritis, kreatif dan inovatif untuk melonjakkan budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan masyarakat negara berkenaan (Perutusan Hari Guru, 2014). Oleh yang demikian, bagi merealisasikan tuntutan tersebut, masyarakat negara kita perlu memperkukuh dan meningkatkan kreativiti diri agar mampu membawa negara bersaing di persada dunia. Senario ini jelas membuktikan bahawa dunia hari ini telah mengiktirafkan kreativiti sebagai nadi kehidupan di abad ke-21 ini.

Kreativiti merupakan suatu konsep yang bersifat multidimensi dan interdisiplin, namun dapat dikaji dan difahami dalam pelbagai bidang (Mohd Azhar Abd Hamid, 2004). Kreativiti wujud dalam pelbagai bidang iaitu bidang perindustrian, perfileman, kesenian, pemasaran, perdagangan, pendidikan dan banyak lagi. Keberhasilan setiap bidang ini amat bergantung kepada kreativiti pekerjaannya. Justeru itu, untuk menghasilkan pekerja yang kreatif, ianya perlu dimulakan sejak mereka dibangku sekolah lagi. Menurut Anna (2005) dan Mohamad Mohsin Mohamad Said dan Nasruddin Yunus (2008), kreativiti perlu dikembangkan pada situasi dan persekitaran yang sesuai untuk tetap subur berkembang dari zaman kanak-kanak sehinggalah dewasa. Dengan adanya kreativiti yang tertanam dalam individu sejak kecil lagi di sekolah, seseorang itu akan berjaya dalam menyelesaikan masalahnya dengan mudah dan cepat dengan berdasarkan tahap kreativiti yang sedia ada.

Umumnya, kreativiti dimiliki oleh setiap individu (Amabile, 1996). Ini bermakna, semua manusia lahir dengan potensi kreatif masing-masing. Walau bagaimanapun, kreativiti berbeza bagi setiap individu kerana wujud perbezaan personaliti. Setiap individu mempunyai personaliti yang berbeza. Dalam apa jua bidang, personaliti memainkan peranan yang penting dalam keberhasilan seseorang individu (Swanberg *et al*, 2010). Menurut Sternberg (1999), perbezaan personaliti mempengaruhi kreativiti.

Personaliti adalah susunan pola-pola tingkahlaku manusia yang bersesuaian mengikut kehidupan mereka (Mischel, 1981). Personaliti membolehkan seseorang individu itu efektif untuk berinteraksi dan bersosial kerana mereka dilihat sebagai seseorang yang mempunyai personaliti yang menarik, teruk atau langsung tiada personaliti (Hergenhahn dan Olson, 1999). Maka dengan itu, kreativiti seseorang individu akan dipengaruhi oleh personaliti yang dimilikinya.

Selain daripada personaliti, motivasi turut mempengaruhi kreativiti. Dorongan dalaman dan luaran memberi kesan terhadap peningkatan kreativiti. Namun, berlandaskan kajian lepas, aspek personaliti dan motivasi selalu mendapat perhatian khusus kerana berperanan sebagai dorongan untuk meningkatkan kreativiti (Amabile, 1983; Sternberg, 1999; Mohd Azhar Abd Hamid, 2001; Yahya dan Noor Sharlina, 2011).

1.2 Penyataan Masalah

Isu kreativiti telah menjadi penting dan mendapat perhatian pelbagai pihak termasuklah penggubal dasar pendidikan negara kerana pelajar kreatif amat diperlukan dalam setiap bidang keberhasilan dalam sesebuah negara. Pada masa akan datang, setiap organisasi akan memerlukan individu yang kreatif untuk memajukan organisasi masing-masing demi untuk mampu bertahan dan bersaing dalam era globalisasi (Simonton, 2000).

Walaupun bagaimanapun, pentaksiran antarabangsa menunjukkan prestasi pelajar Malaysia semakin merosot (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, 2012). Pentaksiran antarabangsa ini iaitu *Programme for International*

Student Assessment (PISA) dan *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)*, merupakan kaedah perbandingan langsung tentang kualiti keberhasilan pendidikan merentas pelbagai sistem. Kaedah ini mentaksir pelbagai kemahiran kognitif seperti aplikasi dan penaakulan iaitu keupayaan pelajar mengaplikasi pengetahuan dalam kehidupan sebenar. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (2012), setiap pelajar perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif, serta inovatif. Namun demikian, bidang ini kurang diberi perhatian. Oleh kerana itu, pelajar kurang berupaya untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar konteks akademik (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, 2012). Jelas terbukti bahawa pelajar di negara kita perlu diberi suntikan untuk memulihkan kreativiti pelajar dalam usaha menjadikan negara ampuh dalam persaingan dunia.

Bagi merealisasikan impian tersebut, dalam kajian ini terdapat empat aspek pemboleh ubah terikat iaitu kreativiti diukur. Kaedah pengukuran adalah menggunakan ujian pemikiran kreatif Torrance (Torrance, 1974). Empat aspek tersebut iaitu kelancaran (kebolehan menghasilkan seberapa banyak idea yang boleh dipelbagaikan dan kebolehan melihat pelbagai kaitan serta pola), kelenturan (kebolehan menghasilkan idea dari pelbagai sudut dan kategori), keaslian (merupakan keunikan dan kemampuan menghasilkan sesuatu idea yang asli yang tidak pernah diperkenalkan) dan penghuraian (kebolehan menjadikan sesuatu idea itu lebih terperinci dan berkeupayaan menambah butiran daripada idea - idea asas yang dihasilkan).

Melalui kupasan kajian lepas, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perkembangan kreativiti (Amabile, 1996). Antaranya ialah kepintaran, pengetahuan, gaya berfikir, personaliti, motivasi, keadaan persekitaran, kepakaran, kemahiran berfikir kreatif, keluarga, pendidikan, budaya terhadap kreativiti dan evolusi (Sternberg, 1999; Amabile, 1996; Yahya dan Noor Sharlina, 2011). Daripada semua faktor tersebut, faktor pendidikan adalah yang paling berkuasa kerana ia merupakan tempat terpenting untuk menyuburkan bakat dan kebolehan kreatif serta boleh dikawal oleh masyarakat berbanding faktor-faktor yang lain

(Levine, 1996; Aaser, 1993; Mohd Azhar Abd Hamid *et al*, 2004). Justeru itu, pendidikan adalah perlu sebagai asas untuk membangunkan minda dan melahirkan masyarakat yang berfikir.

Dalam konteks pendidikan pula, kajian lepas membuktikan bahawa pelajar yang kreatif adalah disebabkan oleh faktor seperti personaliti pelajar, rakan sebaya, persekitaran, strategi pengajaran dan pembelajaran dan sistem pendidikan (Mohd Mohsin dan Nasruddin, 2008). Walau bagaimanapun, faktor personaliti pelajar sentiasa mendapat perhatian yang serius dan telah kerap diramal mempunyai perkaitan positif dengan kreativiti pelajar (Sternberg, 1999; Mohd Azhar *et al*, 2003; Mohd Mohsin dan Nasrudin, 2008; Prabhu *et al*, 2008; Yahya Buntat dan Noor Sharlina, 2011). Banyak kajian telah dijalankan untuk memahami implikasi personaliti Model Lima Faktor yang berkaitan dengan tingkah laku dan pencapaian individu termasuklah kreativiti (James dan Mazerolle, 2002). Daripada lima aspek yang terdapat di dalam personaliti Model Lima Faktor, seringkali pemikiran terbuka diramalkan mempunyai perkaitan positif dengan kreativiti (Feist, 1998; Sun Y.S dan Jin N. C , 2009; Prabhu *et al*, 2008; George dan Zhou ,2001). Kajian oleh Sun Y.S dan Jin N. C (2009) pula menunjukkan bahawa selain pemikiran terbuka, extraversi juga mempunyai perkaitan positif dan signifikan dengan kreativiti. Sebaliknya, kehematan, neurotisisme dan kesetujuan didapati mempunyai hubungan yang longgar dengan kreativiti (Sun Y.S dan Jin N. C, 2009; George dan Zhou, 2001). Kajian yang telah dijalankan oleh Gelade (2002) pula mendapati pemikiran terbuka berhubungan secara positif dengan kreativiti. Oleh yang demikian, kajian oleh M. Batey dan A. Furnham (2006) menyimpulkan bahawa personaliti pelajar boleh bertindak sebagai penyumbang mahupun penghalang kepada kreativiti. Isu tersebut semakin meruncing apabila Deci dan Ryan (1985) juga turut menyuarakan pendapat bahawa personaliti tidak mempunyai hubungan positif dengan kreativiti. Lantas, kajian sebegini perlu dilakukan ke atas pelajar untuk mengetahui sama ada personaliti pelajar akan meningkat atau mengurangkan kreativiti.

Dalam melihat hubungan langsung di antara personaliti dengan kreativiti terdapat pemboleh ubah lain seperti motivasi, motivasi ekstrinsik, dan pengetahuan (Amabile, 1996; Qian *et al*, 2010). Faktor motivasi mendorong peningkatan

seseorang pelajar, sama ada motivasi mahupun motivasi ekstrinsik (Torrance, 1974; Deci dan Ryan, 2000). Walau bagaimanapun, kajian lepas banyak memberi penekanan kepada motivasi sebagai kunci utama kepada kreativiti (Amabile, 1998). Kajian oleh Crutchfield (1962) membuktikan kepentingan motivasi dalam kreativiti sudah sekian lama terbukti. Walaupun demikian, Prahbu *et al* (2008) membidas bahawa sokongan empirikal masih diperlukan untuk menerangkan perkaitan di antara personaliti dengan kreativiti. Ini termasuklah faktor motivasi. Kepelbagaian sudut pandangan ini telah menimbulkan persoalan sama ada motivasi mempunyai perkaitan dengan kreativiti.

Selain kesan langsung antara personaliti dengan kreativiti, kajian lalu menunjukkan motivasi bertindak sebagai pencelah dalam hubungan di antara personaliti dengan kreativiti (Oldham dan Cummings, 1996; Shalley dan Perry-Smith, 2001; Zhou, 2003; Prabhu *et al*, 2008). Maka, hubungan ini dianggap sebagai hubungan tidak langsung. Keadaan ini membawa maksud bahawa personaliti dapat memberi kesan kepada kreativiti melalui motivasi. Ini kerana dalam hubungan antara personaliti dengan kreativiti, motivasi bertindak sebagai pencelah di mana, personaliti terlebih dahulu memberi kesan kepada motivasi dan seterusnya motivasi akan memberi kesan kepada peningkatan kreativiti. Secara keseluruhannya, peningkatan atau pengurangan kekuatan hubungan di antara personaliti Model Lima Faktor dengan kreativiti adalah bergantung kepada motivasi seseorang individu. Namun demikian, sejauh mana peranan pengantara motivasi dalam hubungan antara personaliti dengan kreativiti pelajar dalam konteks tempatan sangat perlu dikaji.

Selain daripada faktor personaliti dan motivasi, faktor jantina juga turut mempengaruhi kreativiti. Terdapat banyak kajian lepas mengkaji pengaruh jantina terhadap kreativiti namun masih wujud keraguan yang melibatkan banyak faktor lain seperti faktor persekitaran (Baer, J., dan Kaufman, J. C. ,2008). Kajian lepas oleh Soon Singh (2011) mendapati bahawa pelajar lelaki lebih kreatif berbanding dengan pelajar perempuan. Walau bagaimanapun, dapatan beberapa kajian lepas bertentangan dengan pendapat tersebut bahawa pelajar perempuan lebih kreatif berbanding dengan pelajar lelaki (Kousoulas dan Mega, 2009; Ming, 2007).

Malahan, terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kreativiti antara pelajar sains lelaki dan perempuan (Hamsiah, 2004; Matud *et al*, 2007) Percanggahan ini telah menimbulkan persoalan bahawa adakah faktor jantina yang berbeza mempengaruhi kreativiti pelajar? Kajian ini akan mengupas isu tersebut. Oleh kerana tiada kajian seumpamanya telah dijalankan di Sabah, maka sekolah di Sabah telah dipilih sebagai lokasi kajian.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu objektif secara umum dan objektif secara khusus.

1.3.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji motivasi sebagai perantara di antara personaliti Model Lima Faktor dengan kreativiti pelajar.

1.3.2 Objektif Khusus

Dengan lebih khusus, objektif kajian ini pula adalah untuk mengkaji:

- i. Pengaruh personaliti Model Lima Faktor (pemikiran terbuka, kehematan, ekstrasversi, kesetujuan dan neurotisisme) terhadap kreativiti pelajar
- ii. Peranan motivasi pelajar sebagai perantara bagi hubungan personaliti Model Lima Faktor (pemikiran terbuka, kehematan, ekstrasversi, kesetujuan dan neurotisisme) dengan kreativiti pelajar
- iii. Perbezaan kreativiti berdasarkan jantina pelajar

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian merupakan pernyataan ramalan pengkaji tentang perhubungan antara pemboleh ubah. Ia boleh dalam bentuk berarah atau tidak berarah. Ramalan tersebut diuji dalam bentuk hipotesis nul (Chua, 2006).

Hipotesis kajian telah dibina berdasarkan objektif kajian ini iaitu untuk mengkaji motivasi sebagai perantara di antara personaliti Model Lima Faktor dengan kreativiti pelajar. Ruang lingkup kajian yang dijalankan ini terbatas kepada hipotesis nul yang telah dibina iaitu:

Ho1. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan personaliti Model Lima Faktor terhadap kreativiti pelajar.

Ho^{1a} Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pemikiran terbuka terhadap kreativiti pelajar.

Ho^{1b} Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kehematan terhadap kreativiti pelajar.

Ho^{1c} Tidak terdapat pengaruh yang signifikan ekstrasversi terhadap kreativiti pelajar.

Ho^{1d} Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kesetujuan terhadap kreativiti pelajar.

Ho^{1e} Tidak terdapat pengaruh yang signifikan neurotisisme terhadap kreativiti pelajar.

Ho2. Tidak terdapat pengaruh peranan motivasi pelajar sebagai perantara bagi hubungan personaliti Model Lima Faktor dengan kreativiti pelajar.

Ho^{2a} Tidak terdapat pengaruh peranan motivasi pelajar sebagai perantara bagi hubungan pemikiran terbuka dengan kreativiti pelajar.

Ho^{2b} Tidak terdapat pengaruh peranan motivasi pelajar sebagai perantara bagi hubungan kehematan terhadap kreativiti pelajar.

Ho^{2c} Tidak terdapat pengaruh peranan motivasi pelajar sebagai perantara bagi hubungan ekstrasversi terhadap kreativiti pelajar.

Ho^{2d} Tidak terdapat pengaruh peranan motivasi pelajar sebagai perantara bagi hubungan kesetujuan terhadap kreativiti pelajar.

Ho^{2e} Tidak terdapat pengaruh peranan motivasi pelajar sebagai perantara bagi hubungan neurotisisme terhadap kreativiti pelajar.

Ho3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kreativiti pelajar berdasarkan jantina

Ho^{3a} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kreativiti pelajar berdasarkan jantina